

29 JUN 1996
LEAD Cohen-Bebas
LORRAINE COHEN DAN ANAKNYA DIBEBASKAN

PULAU PINANG, 29 Jun (Bernama) -- Wanita New Zealand Lorraine Philis Cohen, 53, dan anak lelakinya, Aaron Shelton Cohen, 30, yang diberi pengampunan daripada menjalani hukuman penjara seumur hidup kerana kesalahan dadah, dibebaskan pagi ini.

Mereka meninggalkan Penjara Pulau Pinang pukul 9.22 pagi dan dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dengan kereta Jabatan Imigresen.

Mereka kemudian menaiki pesawat Penerbangan Malaysia ke Kuala Lumpur pukul 11.30 pagi dan akan terbang ke Auckland dengan penerbangan petang ini, menurut peguam mereka, Karpal Singh.

"Kedua-duanya sangat gembira dan tertunggu-tunggu untuk pulang ke tanah air mereka. Mereka berterima kasih kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan New Zealand kerana memberi pertolongan sehingga mereka dibebaskan," kata Karpal Singh yang telah menjadi peguam mereka bagi sebelas-setengah tahun yang lepas.

"Saya rasa eloklah mereka dibiarkan sendiri apabila balik ke di New berjenaka bahawa mereka akan merindui penjara," katanya.

Menurutnya, Lorraine sudah berubah. Beliau dan anaknya kini bebas daripada dadah.

Ibu dan anak itu, yang berada di penjara sejak 9 Feb 1985, tidak bercakap kepada sekumpulan besar wartawan yang membuat liputan pembebasannya termasuk empat kru televisyen dari New Zealand.

Pada 25 Mei lepas Lembaga Pengampunan Negeri memberi pengampunan kepada Lorraine dan anaknya yang telah ditangkap pada 9 Feb 1985 di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas itu.

Lorraine, suri rumah, dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 1 Sept 1987 kerana mengedar 140.7gm heroin manakala Aaron dihukum penjara seumur hidup dan enam kali rotan kerana memiliki 34.16gm dadah yang serupa.

Pada Ogos 1989, Mahkamah Agung ketika itu mengubah hukuman mati terhadap Lorraine kepada hukuman penjara seumur hidup setelah meminda tuduhannya daripada mengedar dadah kepada memilikinya.

Ketika menjalani hukuman, Lorraine menerima rawatan radioterapi bagi penyakit kanser dan menjalani pembedahan untuk membuang buah dada kirinya di Hospital Pulau Pinang pada 1992.

Ketika ditanya pendapatnya tentang sebab-sebab mereka dibebaskan, Karpal Singh berkata: "Kami tidak menjangka akan diberi pengampunan ini. Saya rasa Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri) mahu menunjukkan yang beliau tidaklah sebegitu keras hati seperti yang cuba digambarkan."

Lorraine dan Aaron yang kelihatan agak pucat, berlepas dengan membawa sebuah beg barang dan satu beg sandang.

Mereka dipercayai telah menjualkan hak cipta bagi cerita mereka kepada sebuah majalah wanita New Zealand, menurut beberapa wartawan New Zealand yang membuat liputan pembebasan mereka.

Lorraine telah mengelak dengan berkata "no, no" (tidak, tidak) sahaja kepada soala-soalan yang diajukan wartawan termasuk mereka yang datang dari negaranya apabila mereka cuba menemuramah beliau di lapangan terbang.

Lorraine dikatakan mempunyai dua orang lagi anak lelaki dan seorang anak perempuan di Auckland. -- BERNAMA

RA YBY NMO